

Pelancongan Malaysia catat lonjakan ketibaan

SETAKAT Julai tahun ini, data menunjukkan peningkatan ketibaan pelancong sebanyak 20 hingga 30 peratus berbanding tahun lalu. Ia petanda positif bagi sektor pelancongan negara.

Peningkatan ini bukan berlaku secara kebetulan tetapi hasil perancangan strategik oleh Kementerian Pelancongan dan juga Tourism Malaysia. Kedua-dua pihak wajar diberikan penghargaan kerana berjaya memahami dan menyesuaikan strategi dengan cita rasa pelancong masa kini.

BENARKAH KEMENTERIAN TERLALU FOKUS PELANCONG CHINA?

Tumpuan itu adalah langkah semula jadi memandangkan China merupakan pasaran yang besar. Namun, realitinya, banyak misi jualan dan kerjasama turut dijalankan di negara-negara lain termasuk India, negara-negara Eropah, dan Amerika Syarikat (AS). Ini terbukti

melalui peningkatan ketibaan pelancong dari negara-negara tersebut.

Peningkatan ini turut disumbang pertemuan langsung dengan pemain industri pelancongan luar negara, bukan hanya di China tetapi juga di pelbagai pasaran utama lain.

Mengenai portfolio kementerian ini, saya secara peribadi sangat menghargainya. Ia memberi peluang untuk saya belajar banyak perkara baharu daripada peringkat akar umbi hingga ke pentas antarabangsa. Kementerian ini mempunyai potensi besar dan saya melihatnya sebagai satu platform yang sangat bermanfaat untuk rakyat dan diri saya sendiri.

Parlimen saya merupakan kawasan persisiran pantai dan saya telah berusaha sedaya upaya untuk memaksimumkan potensi kawasan ini dalam sektor pelancongan. Alhamdulillah, kita sudah mula melihat hasilnya. Terdapat peningkatan ketara dan beberapa produk pelancongan baharu berjaya

diperkenalkan.

Namun, usaha ini tidak boleh terhenti di situ. Ia perlu terus diperluaskan, dipergiatkan dan dirancang dengan lebih teliti. Saya sedar masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki. Secara peribadi, saya sendiri belum berpuas hati dengan pencapaian yang ada.

Tetapi, biarlah masa yang menentukan. Yang penting, kita terus bekerja dan berusaha ke arah yang lebih baik.

INAP DESA SEMAKIN TERPINGGIR

Saya bersetuju industri inap desa memainkan peranan yang sangat penting dalam sektor pelancongan negara. Ia bukan sahaja mencerminkan budaya dan kehidupan masyarakat tempatan, malah menjadi keunikan yang boleh menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara.

Oleh itu, insya-Allah, kementerian akan merangka dan melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun hadapan bagi memperkukuhkan

industri ini. Perkara paling utama ialah mempererat kerjasama antara pihak kementerian dan pengusaha inap desa, serta memperluas jaringan ke peringkat antarabangsa.

Selepas Covid-19, pelancong tidak lagi hanya mencari pencakar langit atau suasana kota. Mereka mahukan pengalaman yang membolehkan mereka kembali kepada asas, alam dan budaya setempat. Inilah kekuatan kita di Malaysia, terutamanya di Sabah yang begitu kaya dengan keindahan semula jadi dan kepelbagaian budaya.

Jika kita dapat membina koordinasi yang baik, menjalin kerjasama strategik serta landasan kukuh bersama rakan antarabangsa, saya yakin industri inap desa akan terus berkembang dan makmur.

Setakat ini, terdapat 242 pengusaha inap desa yang berdaftar di seluruh negara. Berdasarkan pemerhatian saya, industri ini mempunyai potensi besar untuk terus maju kerana negara kita bukan sahaja

kaya dengan destinasi menarik dan budaya yang pelbagai tetapi juga mempunyai pengetahuan serta kemahiran untuk mengembangkannya.

PELANCONGAN DI SABAH

Sebagai Timbalan Menteri dari Batu Sapi, saya akui jumlah pelancong ke Sabah meningkat dan ini satu perkembangan positif. Namun, cabaran sebenar ialah bagaimana memastikan momentum ini berterusan.

Kalau infrastruktur asas seperti jalan, kemudahan pelancong, dan lapangan terbang tidak dipertingkatkan, kita akan sukar bersaing dengan negeri atau negara lain. Contohnya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu kini sudah melebihi kapasiti dan perlu dinaik taraf segera.

Sebab itu saya sering seru agar ada koordinasi erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan. Perancangan pelancongan mesti selari dan berpandangan jauh.